

**PUSAT SUMBER
FAKULTI ALAM BINA**



FAB30000011183

**PENGARUH JARAK DAN DEMOGRAFI TERHADAP CORAK
PERGERAKAN MIGRASI DALAMAN DI WILAYAH LEMBAH KLANG**

JUNAINAH BINTI ABU KASIM

**Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar Dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

APRIL, 2010

ABSTRAK

Sejak pertengahan 1980-an, petempatan Lembah Klang telah mengalami proses perkembangan yang pesat akibat perluasan aktiviti dan perkhidmatan ke kawasan pinggir. Ia berfungsi sebagai pusat tumpuan pembangunan ekonomi dan sosial negara yang secara tidak langsung berjaya menarik migrasi masuk dengan banyaknya. Walaubagaimanapun pergerakan migrasi yang berlaku di dalam kawasan pentadbiran ini sendiri merupakan penyumbang utama kepada peningkatan penduduknya. Dianggarkan sebanyak 400,000 orang pada tahun 1995-2000 adalah migran dalam wilayah ini sendiri yang berpindah tempat kediaman. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat dan mengkaji aliran pergerakan migrasi dalaman di Wilayah Lembah Klang seperti arah dan magnitud pergerakan migran berdasarkan data statistik bagi tahun 1991, 2000 dan 2005. Antara perkara-perkara yang ingin diselidiki ialah perubahan corak pergerakan migrasi pada tahun 1991, 2000 dan 2005 bagi mendapatkan pusat min keseluruhan pergerakan serta mengenal pasti ciri-ciri daerah yang menjadi tumpuan migrasi masuk atau keluar. Kajian turut memperlihatkan sejauh mana faktor-faktor demografi dan jarak mempengaruhi aliran migrasi di Lembah Klang. Keputusan Analisis memperlihatkan faktor jarak bukanlah penghalang bagi migran untuk berpindah disebabkan peningkatan kemudahan sistem pengangkutan yang semakin cekap dan canggih. Kaedah statistik multivariat yang menggunakan sistem GIS melalui aplikasi *Geographical Weighted Regression tools* digunakan bagi melihat perkaitan antara faktor demografi dengan pergerakan migrasi. Kaedah ini dilaksanakan bagi melihat kekuatan korelasi antara pembolehubah yang digunakan. Didapati, migran yang berstatus bujang, mempunyai tahap pendidikan tertiar, migran kategori umur 15-40 tahun dan golongan kaum lelaki mempunyai korelasi hubungkait yang positif terhadap pergerakan migrasi di dalam Wilayah Lembah Klang. Berdasarkan keseluruhan analisis di dapati migran bergerak meninggalkan kawasan teras wilayah (Kuala Lumpur) ke kawasan pinggir seperti Klang, Gombak, Kapar dan Petaling. Ini disebabkan pemangkin pembangunan seperti pembinaan kawasan perumahan di bandar-bandar baru, kepadatan serta kesesakan penduduk di pusat wilayah dan dasar kerajaan dalam menyelerakkan perkhidmatan dan fungsi bandar ke kawasan pinggir. Kepentingan kajian ini dapat membantu meramalkan corak aliran migrasi pada tahun terkini dan akan datang serta menolong mewujudkan keseimbangan antara daerah serta wilayah dengan mengagih-agihkan migran bagi mencapai matlamat pembangunan negara. Oleh itu, pembangunan dan perancangan gunatanah yang bersepadu dapat diwujudkan agar perkhidmatan dan segala kemudahan bandar dapat disediakan kepada semua masyarakat.